

14 MAR 1999

Ting-Sabah

MCA AKAN TERUS BERKHIDMAT DI SABAH WALAUPUN CALON KALAH, KATA TING

KUALA LUMPUR, 14 Mac (Bernama) -- MCA akan terus berkhidmat di negeri Sabah walaupun calon tunggalnya bagi kawasan Api-Api tewas pada pilihan raya umum Dewan Undangan Negeri (DUN) semalam, kata setiausaha agungnya Datuk Dr Ting Chew Peh hari ini.

"MCA akan terus berkhidmat di negeri Sabah melalui pemimpin MCA bukan sahaja di peringkat negeri tetapi juga di peringkat kebangsaan," katanya ketika diminta mengulas mengenai keputusan pilihan raya Sabah yang diumumkan malam tadi.

Sebelum itu Ting mempengerusikan taklimat Jawatankuasa Pemandu Pemilihan MCA bagi menghadapi pemilihan parti yang akan diadakan tidak lama lagi di Wisma MCA di sini.

"MCA juga akan memastikan pemimpin MCA di peringkat kebangsaan melawat Sabah untuk membantu rakyat Sabah dalam perkara yang berkaitan dengan kementerian masing-masing," katanya.

Katanya lagi, MCA juga akan mengkaji sebab-sebab kekalahan calon MCA Datuk Chau Tet On di kawasan Api-Api.

Chau yang mendapat 5,963 undi tewas kepada calon Parti Bersatu Sabah (PBS) Dr Yee Moh Chai yang mendapat 9,146 manakala calon Bersekutu Chin Chen Fui mendapat 1,040 undi.

"Walaupun MCA kalah tetapi MCA akan terus mencuba kerana ini percubaan kali pertama.

"Kita telah lakukan yang terbaik tetapi kalah. Jadi kita menghormati keputusan pengundi-pengundi di kawasan Api-Api," tambahnya.

Mengenai kemenangan BN secara keseluruhannya, Ting berkata, keputusan yang dibuat oleh pengundi di Sabah merupakan satu keputusan yang bijak dan melambangkan hasrat rakyat Sabah untuk mengekalkan kestabilan, keamanan dan kemakmuran di negeri itu selain mahukan pembangunan berterusan.

"Bagi saya ini satu undi kepercayaan, undi keyakinan kepada kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri dan juga kepada Timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Kita (MCA) mengucapkan tahniah kepada Barisan Nasional terutama sekali BN Sabah dan juga tahniah kepada Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri yang telah bekerja keras untuk memastikan kemenangan BN di Sabah," katanya.

Katanya, MCA sebagai sebuah komponen parti dalam BN cukup gembira atas kemenangan BN cuma kecewa sedikit kerana calon tunggal MCA kalah tetapi kemenangan BN mengatasi rasa kecewa akibat kekalahan itu.

BN terus kekal memerintah Sabah dengan kemenangan 31 kerusi dan PBS yang menjadi seteru kuatnya hanya mendapat 17 kerusi manakala Bersekutu, Setia, Pas, Pasok dan Bebas gagal mendapat sebarang kerusi.

--BERNAMA

APG WAT